

25 SEP 2000

RSC-AP/I

PEMBASMIAN KEMISKINAN MENJADI FOKUS MESYUARAT KEDUA RSC-AP

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Pembasmian kemiskinan wanita luar bandar akan menjadi fokus mesyuarat kedua Jawatankuasa Pemandu Serantau bagi Peningkatan Wanita Luar Bandar dan Pulau di rantau Asia Pasifik (RSP-AP), di sini mulai esok.

Pengarah bahagian antarabangsa, Jabatan hal ehwal wanita di Jabatan Perdana Menteri Ainunnazli Mohd Salleh berkata mesyuarat itu yang bertemakan "Wanita Luar Bandar dan Pulau: Kemiskinan dan Penguasaan", adalah susulan kepada mesyuarat pertama yang diadakan pada 1997, yang menyarankan pemberian kredit mikro bagi membasmi kemiskinan wanita luar bandar.

"Jawatankuasa itu pada mulanya ditubuhkan untuk merumuskan pelan bertindak yang akan digunakan untuk membasmi kemiskinan wanita luar bandar di rantau Asia Pasifik," katanya.

Fokus mesyuarat tahun ini adalah untuk meningkatkan usaha melalui perbincangan pelbagai isu, seperti penjagaan kesihatan yang dihadapi oleh wanita luar bandar, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

RSC-AP terdiri daripada wanita pertama dan isteri ketua-ketua kerajaan 16 negara dari rantau Asia Pasifik, ia ditubuhkan pada 5 Sept 1995 bagi memantau Deklarasi Geneva pada peringkat rantau Asia Pasifik.

Beliau berkata Malaysia juga telah mendapat manfaat, berikutan ramai wanita luar bandar menjadi usahawan yang berjaya, dan perwakilan ke mesyuarat itu akan berpeluang melihat kejayaan itu melalui lawatan ke projek-projek pembangunan wanita di Banting, pada hari akhir mesyuarat itu nanti.

Wanita pertama dari Iran, India, Pakistan, Mongolia, Papua New Guinea, Laos bersama dengan wakil khas dari Filipina, Kazakhstan, Tonga, Maldives dan Indonesia dijangka menghadiri mesyuarat itu.

Empat kertas kerja berkaitan meningkatkan ekonomi wanita luar bandar akan dibentangkan pada mesyuarat tiga hari itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, seorang daripada pengasas RSC-AP akan menamatkan penggal keduanya sebagai pengerusi pada 2001, dan mesyuarat kali ini juga akan membincangkan pengerusi yang baru dan negara tuan rumah mesyuarat berikutnya.

-- BERNAMA

MLS ZS RI